

20/05/1997

RM7j bagi wujudkan Pahang Net

Shariffudin Mohamed

KUANTAN, Isnin - Telekom Malaysia memperuntukkan RM7 juta bagi penyediaan rangkaian telekomunikasi gentian optik ke semua daerah di negeri ini sebagai usaha mewujudkan 'Kerajaan Elektronik' dalam Kerajaan Pahang dalam tempoh singkat.

Ini selaras dengan hasrat kerajaan negeri mahu mewujudkan Pahang Net secepat mungkin, mulai daerah ini meliputi Wisma Sri Pahang, Wisma Persekutuan, Kompleks Tun Razak, Kompleks Teruntum dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri.

Secara keseluruhannya Pahang Net membabitkan tiga fasa mengikut perancangan Telekom Malaysia membabitkan kelajuan data 64 Kilobit.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata melalui Pahang Net, kerajaan negeri boleh menggunakan kemudahan seperti mel elektronik, sidang video dan pertukaran data.

Beliau berkata, melalui kemudahan telekomunikasi itu, pentadbiran kerajaan dalam ditingkatkan, terutama peringkat daerah.

"Sebagai sebuah negeri besar, sudah tentu seorang pegawai kerajaan terpaksa mengambil perjalanan jauh dan mengambil masa berjam-jam hingga memenatkan, malah membabitkan kos banyak ketika dikehendaki hadir pada sesuatu mesyuarat di luar kawasanya.

"Keadaan sebegini mungkin akan tinggal kenangan saja apabila kerajaan elektronik itu dapat dijayakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara Telekom Malaysia dengan MEC Industrial Park Sdn bhd, anak syarikat Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC), di sini, hari ini.

Dalam perjanjian itu, Telekom Malaysia menyediakan infrastruktur telekomunikasi moden dan berkonsepkan masa depan bernilai RM50 juta bagi projek Bandar MEC di Gambang, dekat sini, sehingga tahun 2012.

Telekom Malaysia diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Telco, Dr Abdul Rahim Daud manakala MEC BHD, Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Teong Teck Leng.

Mohd Khalil berkata, keputusan juga cepat dibuat manakala maklumat segera yang dikehendaki kerajaan mudah diperolehi dengan hanya berkomunikasi melalui gentian optik.

"Infrastruktur rangkaian lebuhraya maklumat di negeri ini dibina melalui pelaksanaan projek sistem informasi pengurusan Pahang (PaMis) sejak akhir tahun 1994, sebagai langkah mewujudkan Pahang Net.

Menurutnya, kemudahan asas itu kelak dapat dihubungkan dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dibangunkan Kerajaan Persekutuan.

"Persiapan kita berhubung pelaksanaan teknologi maklumat (IT) sudah dijalankan lebih awal walaupun publisiti mengenainya tidak dilakukan," katanya.

Mengenai MEC, beliau berkata, kerajaan negeri sudah mendapat kelulusan memperolehi 10 peratus ekuiti dalam MEC Bhd, pemaaju Bandar MEC.

"Kita akan memastikan projek vendor di situ turut membabitkan usahawan Bumiputera sebagai usaha mewujudkan lebih banyak kelas menengah di kalangan orang Melayu seperti dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)